

## **TALAK TAKLIK MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

**ISWANDI HARAHAH BURHANUDDIN**

<sup>1</sup>Kulliyah Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa  
Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, 09300 Kuala Ketil, Kedah Darul Aman,  
Malaysia

**MOHD MUSLIM SALLEH**

Kulliyah Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Sultan  
Abdul Halim Mu'adzam Shah, 09300 Kuala Ketil, Kedah Darul Aman,  
Malaysia

## ABSTRAK:

Talak taklik merupakan salah satu daripada lima kaedah pembubaran perkahwinan dalam Islam. Talak taklik biasanya dikaitkan dengan sesuatu perkara yang berlaku dimasa hadapan yang meliputi ucapan atau perbuatan suami, isteri, orang lain, makhluk hidup, benda mati, masa dan keadaan bahkan dikaitkan dengan perkara mustahil. Talak taklik menjadi suatu permasalahan dikhalayak ramai kerana terdapat sesetengah suami yang mentaklik isterinya dengan sesuatu lafaz atau keadaan yang remeh bahkan mustahil namun mereka melafaz talik taklik, sedangkan lafaz taklik yang telah dilafazkan tidak boleh ditarik balik namun mereka tidak mengetahui kesan daripada lafaz taklik tersebut. Selain itu, para ulama juga berbeza pendapat mengenai hukum taklik yang dikaitkan dengan lafaz *in sya Allah* dan juga perkara mustahil berlaku. Kajian ini bertujuan untuk merungkai permasalahan tersebut melalui kaedah kualitatif dengan merujuk kajian perpustakaan melalui beberapa kitab *turath* daripada pelbagai mazhab muktabar berkaitan talak taklik. Kajian mendapati bahawa walaupun para ulama berbeza pandangan terhadap hukum talak taklik namun pandangan yang mensahkan adalah lebih rajih berbanding pandangan yang tidak mengakui kesahihannya kerana talak adalah hak mutlak suami yang boleh menjatuhkan talak secara *munjiz* atau *mu'allaq*. Oleh itu, para suami hendaklah berhati-hati dalam perkara berkaitan talak walaupun ianya dikaitkan dengan lafaz *in sya Allah* atau perkara mustahil. Ringkasnya, jauhi talak dan kukuhkan ikatan keluarga.

**Kata kunci:** Talak taklik, lafaz, jenis, hukum.

## PENGENALAN

Talak taklik merupakan salah satu daripada lima kaedah pembubaran perkahwinan dalam Islam. Secara umumnya, pembubaran perkahwinan boleh berlaku melalui talak, taklik, khulu', fasakh, dan li'an. Walaupun kelima-lima kaedah pembubaran ini dibenarkan akan tetapi perceraian atau membubarkan ikatan perkahwinan tanpa sebab munasabah bukanlah

pilihan utama dan tidak digalakkan bahkan amat dibenci Allah S.W.T. Islam menetapkan setiap pasangan yang ingin melangsungkan perkahwinan hendaklah menetapkan niat berkahwin untuk selama-lamanya, sekiranya seseorang itu berkahwin untuk tempoh tertentu atau mengaitkannya dengan sesuatu perkara maka perkahwinannya dianggap tidak sah. Perkahwinan yang dilangsungkan dengan mengaitkannya pada tempoh tertentu tergolong dalam nikah mut'ah manakala perkahwinan yang dilangsungkan dengan mengaitkannya dengan sesuatu sebab, hal atau perkara lain adalah cacat. Ikatan perkahwinan adalah suatu perjanjian suci yang kuat (*mithaqon ghalidha*) antara suami isteri yang perlu dipertahankan. Perjanjian ini hendaklah dipelihara dengan sebaiknya tanpa mengaitkannya dengan sesuatu yang boleh meleraikan ikatan suci ini. Apabila berlaku perceraian kerana sebab kecil, ia menunjukkan perkahwinan itu adalah lemah. Perkahwinan yang didirikan di atas landasan yang lemah boleh menyebabkan roboh atau hancur di tengah jalan. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan lemahnya ikatan perkahwinan antaranya ialah kerana kurangnya ilmu pengetahuan tentang perkahwinan, masalah ekonomi, pekerjaan, keluarga dan berkahwin atas sebab-sebab tertentu.

Di dalam Islam, perkahwinan merupakan ikatan janji hubungan suami isteri yang paling suci dan erat berasaskan kasih sayang, saling memahami dan hormat menghormati antara kedua belah pihak keluarga pasangan. Walaupun terdapat perkahwinan yang berasaskan sebab-sebab tertentu seperti dijanjikan dengan habuan harta, pangkat atau kedudukan namun biasanya perkahwinan tersebut tidak dapat bertahan lama sekiranya apa yang dijanjikan itu tidak terpenuhi. Perkahwinan yang di langsunkan kerana dikaitkan dengan sesuatu sebab atau janji sebelum akad nikah dijalankan adalah sah umpamanya, seperti seorang ayah yang berkata kepada seorang lelaki sekiranya awak menikah dengan anak saya maka saya akan berikan wang RM100.000 tunai selepas satu bulan berkahwin atau seperti seorang wanita kaya yang berkata kepada seorang lelaki dengan berkata sekiranya awak menikahi saya maka saya akan naikkan pangkat

awak menjadi seorang pengarah dalam sesuatu syarikat. Ketika akad nikah sudah dilakukan maka kedua suami isteri memiliki hak dan tanggung jawab yang perlu dilaksanakan tanpa tertakluk dengan perjanjian tersebut. Sesuatu janji atau sebab yang membawa kepada kesan tertentu di masa hadapan sekiranya dilakukan atas konsekuensi janji atau sebab tertentu dinamakan dengan taklik.

### **TALAK TAKLIK DALAM PANDANGAN ISLAM**

Talak berasal daripada kata dasar *يطلق – طلقا طلق* -yang bermaksud melepaskan atau meleraikan ikatan (ibn Abu bakr, 1986; al-Karmi, 1991) seperti melepaskan ikatan haiwan dan melepaskannya dari ikatan tersebut (al-'Ayni, 2001). Menurut istilah talak ditakrifkan dengan maksud meleraikan atau melepaskan ikatan suami isteri dari perkahwinan yang sah (Imrani, 2001) dengan lafaz sarih atau jelas, atau dengan lafaz kinayah yang bertujuan untuk cerai atau berpisah, atau lafaz-lafaz lain yang membawa maksud cerai disertai dengan niat (al-Dardir, t.t). Ikatan suami isteri ini boleh terlerai serta merta sejourus suami melafazkan niat atau boleh jatuh talak pada masa hadapan sesuai dengan syarat-syarat tertentu atau taklik yang dilafazkan oleh suami (al-Kasani, 1986; Ibn Qudamah, 1968).

Secara bahasa taklik berasal daripada perkataan Arab iaitu *علق – يعلق* yang bermaksud gantung atau sangkut (ibn Abu bakr, 1986; al-Fayruzabadi, 2008) manakala menurut istilah ialah menggantungkan atau mengaitkan sesuatu perkara dengan sesuatu perkarara yang lain (Wizarah al-Awqaf, 1988). Sebaik-baik perkahwinan adalah perkahwinan yang dilakukan tanpa ada sebarang janji atau perkara yang boleh dikaitkan dengan perkahwinan melainkan sama-sama berjanji untuk mencari keredaan Allah S.W.T sesuai dengan firmanNya yang bermaksud:

*Dan mereka (isteri-isterimu) telah mengambil dari kamu perjanjian yang kuat. (Surah al-Nisa' 3: 21)*

Oleh itu, perkahwinan hendaklah dilakukan dengan cara yang makruf sesuai dengan peraturan yang telah ditentukan oleh Allah S.W.T. Sekiranya perkahwinan yang dikaitkan dengan sesuatu perkara, atau sesuatu sebab

atau suatu janji tertentu adalah sah maka begitu juga dengan talak atau cerai yang dikaitkan dengan sesuatu sebab tertentu juga adalah sah di sisi syarak sekaligus kaedah ini juga menjadi sebab terlerainya ikatan perkahwinan.

Talak taklik bermaksud mengaitkan jatuhnya talak dengan sesuatu perkara yang berlaku dimasa hadapan. Perkara tersebut boleh dilakukan oleh suami sendiri yang mengaitkan jatuhnya talak kerana sesuatu perkara atau kerana perbuatan isteri, orang lain, keadaan dan sebagainya (al-Khin et al., 1992). Talak taklik juga dikenali dengan talak *mu'allaq* dan talak *muqayyad* kerana mengaitkan talak dengan sesuatu perkara (al-Zaqili, 2009; Mahmud, 2014) umpamanya "*wahai isteriku sekiranya engkau keluar rumah, maka tertalakah engkau dariku dengan talak satu*" (Ibn Qudamah, 1968). Apabila isterinya patuh terhadap syarat dan arahan suaminya dengan berdiam diri di dalam rumah maka talak tersebut tidak jatuh namun sekiranya isterinya itu melanggar arahan tersebut samaada secara sengaja ataupun lupa maka tertalakah dia dengan talak satu (al-Dardir, t.t.).

### **Pandangan Ulama Terhadap Talak Taklik**

Para ulama berbeza pandangan terhadap hukum talak taklik. Terdapat dua pandangan dalam isu taklik, pendapat pertama iaitu dari kalangan jumur ulama. Mereka sepakat bahawa talak taklik adalah sah di sisi Islam berdasarkan kepada dalil-dalil berikut:

1. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Baqarah, ayat 229.

(الطَّلَاقُ مَرَّتَانٍ ۖ فَإِمْسَاكٌ بِمَعْرُوفٍ أَوْ تَسْرِيحٌ بِإِحْسَانٍ)

"Talak (yang boleh dirujuk kembali itu hanya) dua kali. Sesudah itu bolehlah ia (rujuk dan) memegang terus (isterinya itu) dengan cara yang sepatutnya atau melepaskan (menceraikannya) dengan cara yang baik".

Ayat di atas bersifat umum yang membawa maksud suami memiliki hak untuk menceraikan isterinya dengan serta merta (*munjiz*) ataupun melalui talak taklik dengan bersyarat, bersebab atau berkait dengan sesuatu yang lain (Miszairi Sitoris et al., 2021).

2. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Maidah, ayat 1.

(يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَوْفُوا بِالْعُقُودِ)

"Wahai orang-orang yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian".

Ayat di atas merupakan suatu arahan untuk berpegang dengan janji. Perjanjian yang perlu di laksanakan bukan dalam perkara agama sahaja akan tetapi meliputi segala bentuk perjanjian termasuk perjanjian pasangan suami isteri seperti nafkah dan talak taklik.

3. Sabda nabi Muhammad S.A.W

(المسلمون على شروطهم إلا شرطا حرم حلالا أو أحل حراما)

"orang Islam terikat dengan syarat-syarat sesama mereka kecuali syarat yang mengharamkan yang halal atau menghalalkan yang haram". (Abu Daud No,3594).

Hadis di atas menjelaskan bahawa setiap muslim wajib memenuhi segala syarat yang ditetapkan selagimana tidak bertentangan dengan syarak iaitu tidak mengharamkan yang halal atau sebaliknya menghalalkan yang haram. Dalam hal ini, taklik termasuk dalam syarat jatuhnya talak atau perceraian, sekiranya syarat yang dilafazkan dalam talak taklik dilanggar atau dipenuhi maka talak talik secara automatik jatuh sesuai syarat yang dilafazkan.

Dalil-dalil di atas adalah antara hujah yang dikemukakan oleh jumur ulama yang mengatakan bahawa perceraian secara taklik dianggap sah di sisi Islam. Jumur ulama yang berpegang pada pandangan ini ialah ulama daripada mazhab Hanafi (al-Kasani, 1986), Maliki (Ibn Rushd, 2004), Syafi'i (al-Sharbini, 1994), dan Hambali (Ibn Qudamah, 1968).

Pendapat kedua iaitu dari kalangan ulama mazhab al-Zahiri. Mereka berpendapat bahawa talak taklik adalah tidak sah di sisi Islam berdasarkan kepada dalil-dalil berikut:

1. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Talaq, ayat 1

(يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ إِذَا طَلَّقْتُمُ النِّسَاءَ فَطَلِّقُوهُنَّ لِعَدَّتِهِنَّ وَأَحْصُوا الْعِدَّةَ وَاتَّقُوا اللَّهَ رَبَّكُمْ لَا تُخْرِجُوهُنَّ مِنْ بُيُوتِهِنَّ وَلَا يَخْرُجْنَ إِلَّا أَنْ يَأْتِيَنَّ بِفَاحِشَةٍ مُبَيَّنَةٍ وَتِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ وَمَنْ يَتَعَدَّ حُدُودَ اللَّهِ فَقَدْ ظَلَمَ نَفْسَهُ لَا تَدْرِي لَعَلَّ اللَّهَ يُحْدِثُ بَعْدَ ذَلِكَ أَمْرًا)

“Wahai Nabi! Apabila kamu - (engkau dan umatmu) - hendak menceraikan isteri-isteri (kamu), maka ceraikanlah mereka pada masa mereka dapat memulakan idahnya, dan hitunglah masa idah itu (dengan betul), serta bertaqwalah kepada Allah, Tuhan kamu. Janganlah kamu mengeluarkan mereka dari rumah-rumah kediamannya (sehingga selesai idahnya), dan janganlah pula (dibenarkan) mereka keluar (dari situ), kecuali (jika) mereka melakukan perbuatan keji yang nyata. Dan itulah aturan-aturan hukum Allah (maka janganlah kamu melanggarnya); dan sesiapa yang melanggar aturan-aturan hukum Allah maka sesungguhnya ia telah berlaku zalim kepada dirinya. (patuhilah hukum-hukum itu, kerana) engkau tidak mengetahui boleh jadi Allah akan mengadakan, sesudah itu, sesuatu perkara (yang lain)”.

Ayat di atas menjelaskan tentang cara menceraikan isteri dengan cara yang ma’ruf iaitu sekiranya seseorang itu ingin menceraikan isterinya maka hendaklah dia menceraikannya ketika isterinya dalam keadaan suci dan tidak disetubuhi sehingga memudahkan mereka untuk memulakan idahnya. Selain itu, ayat di atas juga menjelaskan tentang kesahihan talak munjiz yang hanya berlaku dengan serta merta tanpa syarat atau mengaitkannya dengan sesuatu yang lain.

## 2. Qias talak terhadap akad nikah

Lafaz akad nikah boleh dilafazkan dengan menggunakan pelbagai bahasa dan kaedah namun lafaz tersebut membawa maksud serta merta umpamanya seperti lafaz akad nikah yang diucapkan oleh wali perempuan

أنكحتك وزوجتك مخطوبتك بنتي فلانة بنت فلان على المهر كذا حالا

"Aku nikahkan akan engkau dan aku kahwinkan akan engkau dengan pinanganmu, puteriku pulanah binti pulan dengan mahar tersebut dibayar tunai."

Kemudian mempelai suami menjawab:

قبلتُ نكاحها وتزويجها على المهر المذكور ورضيت به والله ولي التوفيق

" Aku terima nikah dan kahwinnya pulanah binti pulan dengan mahar tersebut dan aku reda dengan hal itu. Mudah-mudahan Allah memberikan anugerah dan tawfik. "

Lafaz ijab Kabul nikah di atas dilakukan serta merta tanpa syarat atau mengaitkannya dengan sesuatu yang lain. Sekiranya akad nikah dilakukan dengan mengaitkan dengan sesuatu yang lain akad tersebut tidak sah umpamanya wali perempuan berkata:

"Aku nikahkan akan engkau dan aku kahwinkan akan engkau dengan pinanganmu, puteriku pulanah binti pulan dengan syarat kakaknya kahwin terlebih dahulu, atau dengan syarat engkau memberikan rumah milikmu kepadaku."

Kemudian mempelai suami menjawab:

" Aku terima nikah dan kahwinnya pulanah binti pulan dengan syarat tersebut. "



Akad di atas adalah tidak sah kerana akad nikah perlu dilakukan tanpa syarat dan dilakukan serta merta berbeza dengan jual beli sekiranya seseorang ingin menjual atau membeli dengan harga tertentu dan keduanya menyetujuinya maka jual beli tersebut sah umpunya penjual berkata:

“Saya jual kepada awak barang ini dengan harga sekian jika awak mahu” lalu pembeli menjawab: “Saya beli”. Demikian juga jual-beli adalah sah dengan lafaz seumpama: “Saya beli daripada awak benda ini dengan harga sekian jika awak mahu” lalu penjual menjawab: “Saya jual”.

Asas dalam akad nikah dan jual-beli itu adalah keredaan dan persetujuan kedua-dua pihak, walaubagaimanapun syarat yang ditetapkan semasa proses akad nikah adalah tidak sah manakala syarat yang ditetapkan semasa proses jual beli adalah sah sekiranya penjual dan pembeli menyetujinya.

Berdasarkan kedua-dua hujah di atas, hujah pandangan pertama yang mebolehkan talak talak dilihat rajih berbanding pandangan kedua yang tidak membenarkan talak talak dengan alasan berikut:

1. Talak adalah hak mutlak suami. Seorang suami boleh menjatuhkan talak secara munjiz atau mu’allaq.
2. Tidak ada dalil yang melarang suami menceraikan isterinya dengan menggunakan talak atau syarat daripada nas.
3. Talak talak adalah suatu perjanjian suami isteri yang wajib bagi kedua-duanya untuk menepati janji tersebut sekiranya sudah dilafazkan.
4. Dalil yang digunakan oleh pendapat kedua tergolong lemah kerana mengqiaskan talak talak dengan akad nikah. Kedua-dua perjanjian tersebut adalah berbeza kerana akad nikah dilakukan sebagai bentuk perjanjian penyatuan manakala talak dilakukan sebagai bentuk perjanjian pembubaran. Kedua-dua

perjanjian adalah berbeza dari sudut pembentukan dan penguatkuasaannya, oleh itu qiyas ini tergolong sebagai *qiyas maal fariq* yang tidak sesuai digunakan sebagai hujah.

## HUKUM TALAK TAKLIK

Hukum asal talak taklik adalah seperti talak biasa iaitu *al-man'u* yang membawa hukum makruh atau dilarang sekiranya dilakukan tanpa sebarang sebab (al-Dardir, t.t), berdasarkan hadis nabi S.A.W: "*Perkara halal yang paling dibenci oleh Allah ta'ala ialah talak*" (Abu Daud, No. 2178). Pada asalnya, seorang isteri tidak memiliki kuasa untuk menceraikan dirinya sendiri samaada melalui talak biasa ataupun talak taklik kerana talak adalah hak mutlak suami. Namun, seorang isteri boleh meminta suami untuk melafazkan talak taklik sesuai dengan syarat-syarat yang dipersetujui bersama atau salah seorang daripada mereka. Walaubagaimanapun perbuatan melafazkan talak taklik adalah dilarang melainkan ada keperluan atau sebab yang dibenarkan syarak seperti suami ingin melarang isterinya ke tempat-tempat maksiat atau isteri enggan menutup aurat dengan sempurna. Walaupun asal talak taklik ini makruh ia boleh menjadi haram sekiranya digunakan bagi tujuan mencederakan isteri samaada secara fizikal yang melibatkan anggota badan atau secara mental yang melibatkan emosi dan perasaan ataupun digunakan untuk tujuan yang diharamkan seperti melarang solat dan belajar.

Selain itu, sekiranya seorang suami telah melafazkan talak taklik maka talaknya itu sah dan tidak boleh ditarik balik atau dibatalkan (al-Sharbini, 1994). Walaupun terdapat pandangan yang menyatakan bahawa sekiranya suami menceraikan isterinya dengan talak ba'in hingga teberakhir tempoh 'iddahnya kemudian isteri melakukan perkara yang ditaklikannya itu sebelum mereka berkahwin semula dapat menghilangkan syarat taklik tersebut (al-Shayrazi. (t.t.) namun sebaiknya taklik ini tidak digunakan dalam perkara yang remeh atau tidak berfaedah seperti melarang isterinya balik ke rumah ibu ayahnya dengan berkata *sekiranya engkou balik rumah*

*ibumu maka jatuhlah talak tiga akanmu.* Perihal talak bukanlah sesuatu yang boleh diambil mudah atau dijadikan sebagai gurau senda dan mainan. Talak adalah salah satu daripada tiga perkara yang seriusnya dianggap sungguh-sungguh dan gurauannya dianggap sungguh-sungguh sesuai dengan hadis nabi S.A.W:

"ثَلَاثٌ جِدُّهُنَّ جِدٌّ وَهَزْلُهُنَّ جِدُّ النِّكَاحِ وَالطَّلَاقُ وَالرَّجْعَةُ"

Maksudnya: Tiga perkara yang seriusnya dianggap bersungguh-sungguh dan gurauannya dianggap bersungguh-sungguh, iaitu, nikah, cerai, rujuk semula (Abu Daud, No. 2194).

Sekiranya terdapat seorang suami yang suka bermain-main dengan talak atau dengan mudah melafazkan talak ataupun suka mengugut isterinya dengan lafaz talak maka perlu diketahui bahawa suami tersebut dalam keadaan lemah emosinya dan tidak sempurna akal pikirannya. Oleh itu, setiap suami hendaklah mampu mengawal perasaan dan menjaga diri supaya tidak mudah melafazkan talak baik secara sengaja ataupun main-main.

Walaupun talak taklik dilihat tidak beretika kerana menggantungkan nasib ikatan perkahwinan kepada sesuatu keadaan atau perbuatan akan tetapi kaedah ini memiliki hikmah di sisi syarak antaranya:

1. Mendidik isteri supaya mematuhi arahan suami selagimana arahan tersebut tidak bertentangan dengan syarak.
2. Memelihara kebajikan kedua belah pihak terutamanya isteri seperti tidak memukul dan menggaulinya dengan baik, dan
3. Memberikan kesempatan kedua belah pihak untuk memperbaiki akhlak dan tingkah laku supaya lebih baik dengan tidak mengulangi tabiat buruk yang pernah dilakukan dan taat terhadap perintah Allah.

## KESAHAN TALAK TAKLIK

Talak taklik dianggap tidak sah kecuali setelah memenuhi beberapa syarat. Syarat-syarat itu meliputi perkara yang berkaitan suami, isteri, lafaz taklik, dan perkara yang ditaklikkan.

### 1. Perihal Suami

Syarat utama yang perlu terpenuhi untuk menjadikan talak taklik itu sah ialah hendaklah suami yang melafazkan taklik talak dalam keadaan mukallaf, waras dan memahami apa yang dilafazkannya. Sekiranya suami mengalami gangguan mental, gangguan kejiwaan atau gila kemudian mengucapkan lafaz talak munjiz atau talak taklik maka apa yang dilafazkannya tidak sah sekaligus talak takliknya juga batal (al-Nawawi, t.t). Selain itu, talak taklik yang dilafazkan oleh suami juga hendaklah dilakukan dengan sukarela serta bebas dari paksaan atau pengaruh orang lain (al-Nawawi, 1972).

### 2. Perihal Isteri

Talak taklik hanya sah diucapkan kepada isterinya sahaja sekiranya diucapkan kepada perempuan lain yang bukan isterinya maka lafaz taklik adalah tidak sah. Syarat kedua ini perlu dipenuhi untuk membolehkan lafaz taklik tersebut membawa kesan selepas diucapkan. Isteri yang ditaklik juga mestilah berstatus isteri yang sah ataupun isterinya tersebut masih dalam tempoh 'idah talak *raj'i* sekiranya dia ditalak dengan talak *munjiz*. Isteri yang masih dalam tempoh ini masih dianggap isteri yang sah, dia berhak mendapatkan nafkah dari suaminya samaada dalam keadaan hamil atau tidak (al-Sharbini, 1994). Pada masa yang sama suami juga berhak untuk rujuk kepada isterinya tanpa memerlukan akad baharu sekiranya suaminya ingin rujuk semula kepadanya. Selain itu, suami isteri dalam tempoh ini juga berhak mewarisi satu sama lain sekiranya salah seorang keduanya meninggal dunia.

### 3. Perihal Lafaz Taklik

Lafaz taklik yang digunakan hendaklah berkaitan dengan perkara yang ditaklikkan. Lafaz-lafaz taklik juga hendaklah menggunakan *adawat al-shart* seperti sekiranya, seandainya, apabila dan jika (al-Baghawi; 1997; al-Bahuti, t.t). Menurut Miszairi Sitis et al., (2021) lafaz taklik yang digunakan hendaklah bersifat *insyai'* dan bukannya *khabari*. *Insyai* bermaksud mencetus atau menerbit seperti "sekiranya engkau keluar rumah maka tertalakah" atau "Engkau tertalak dariku apabila engkau keluar rumah". Manakala *khabari* bermaksud memberitahu atau memberi khabar seperti "Sekiranya engkau keluar rumah, aku akan talak engkau".

Terdapat perbezaan antara *insyai* dan *khabari*. Sekiranya taklik menggunakan lafaz *insyai* talak akan jatuh serta merta apabila isteri melanggar syarat taklik, manakala taklik yang menggunakan lafaz *khabari* tidak menyebabkan jatuh talak kerana memberikan maksud perkhawaran. Taklik dalam bentuk *khabari* bergantung niat suami. Seandainya suami berniat untuk menceraikannya maka dai perlu melafazkan talak namun sekiranya dia tidak berniat maka tidak berlaku talak tersebut (al-Sharbini, 1994).

### 4. Perihal yang Ditaklikkan

Di dalam kitab al-Sharh al-Kabir, al-Dardir (t.t) menyatakan bahawa perkara yang ditaklikkan itu mestilah perkara yang boleh berlaku bukannya perkara yang mustahil. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2014) mustahil diertikan sebagai perkara yang tidak boleh jadi, tidak mungkin dan tidak masuk akal. Dalam erti kata lain mustahil ialah sesuatu perkara yang pada adat dan kebiasaan manusia tidak mungkin terjadi dan tidak dapat diterima akal seperti seekor unta boleh melahirkan gajah atau seekor unta masuk dalam lubang jarum. Berdasarkan pengertian ini sekiranya suami berkata sekiranya aku dapat sampai ke Mekah dalam tempoh 1 minit

tertalakah engkau atau sekiranya aku boleh terbang seperti burung helang tertalakah engkau.

Sekiranya suami melafazkan talak taklik dengan perkara yang mustahil berlaku maka dalam hal ini para ulama berbeza pandangan. Pendapat tersebut boleh disimpulkan dalam dua pendapat iaitu pendapat pertama mengatakan bahawa talak taklik dengan perkara mustahil tidak jatuh manakala pendapat kedua mengatakan bahawa talak taklik dengan perkara mustahil jatuh talak dengan serta-merta.

**i. Pendapat pertama: talak taklik dengan perkara mustahil tidak sah**

Menurut jumhur ulama daripada kalangan mazhab Hanafi (al-Kasani, 1986), Maliki (al-Dardir, t.t) al-Syafi'i (al-Nawawi, t.t) dan satu riwayat daripada Hanbali (Ibn Qudamah, 1968) berkata bahawa mentaklikkan talak dengan sesuatu perkara yang mustahil atau tidak mungkin berlaku tidak jatuh talak kerana syarat tersebut tidak mungkin berlaku. Selain itu, talak taklik juga tidak jatuh dengan mentaklikkan talak dengan sesuatu perkara yang dilarang oleh syarak kerana bertolak belakang dengan perintah Allah untuk menjauhi perkara tersebut seperti mengaitkan talak dengan membunuh orang atau berzina dan seumpunya. Oleh itu, talak taklik dengan perkara mustahil adalah batal atau tidak sah.

**ii. Pendapat kedua: talak taklik dengan perkara mustahil menyebabkan talak jatuh serta merta**

Terdapat satu pandangan daripada ulama mazhab Hanbali yang mengatakan bahawa walaupun perkara yang ditaklikkan tidak wujud atau mustahil berlaku tetapi talak jatuh secara merta. Syarat taklik boleh terbatal kerana yang ditaklikkan tidak mungkin berlaku namun lafaz talak masih tetap wujud (Ibn.Qudamah, 1968).

Berdasarkan pandangan di atas, pendapat pertama lebih realistik dan dapat diterima akal manakala pendapat kedua adalah lemah kerana tidak berlandaskan kepada *waqi'* yang bersesuaian dengan adat dan kebiasaan manusia. Seseorang yang suka bercakap diluar dari kebiasaan manusia dianggap kurang siuman atau seseorang yang suka berjanji dengan sesuatu yang mustahil ditunaikan juga dianggap sebagai pendusta. Oleh itu, bagaimana mungkin menyandarkan sesuatu yang sifatnya kuat dan suci seperti ikatan perkahwinan dengan sesuatu yang rapuh dan tidak dapat diterima akal menggantungkan perceraian dengan sesuatu yang mustahil berlaku. Walaupun dalam ilmu Allah boleh sahaja berlaku sesuatu yang mustahil pada adat seperti berlakunya mukjizat kepada para nabi dan rasul atau berlakunya karamah kepada para wali namun keajaiban tersebut tidak boleh dijadikan sandaran hukum syarak. Lazimnya, hukum syarak hanya dibina di atas perkara umum yang menjadi kebiasaan dan bukannya berdasarkan kepada perkara ajaib atau jarang-jarang berlaku selaras dengan kaedah fiqh (Al-Sadlan, 1996; Al-Zarqa',1989).

(العبرة بالغالب الشائع لا بالقليل النادر)

“Yang dikira pada perkara yang biasa berlaku, bukan pada perkara yang jarang berlaku”

pendapat ini juga selaras dengan Ibn al-Qayyim Al-Jawziyyah (2000) dalam kitabnya *al-Qawa'id al-Fiqhiyyah al-Mustakhrijah min Kitab l'Iam al-Muwaqi'in*.

(الأحكام إنما هي للغالب الكثير والنادر في حكم المعدوم)

“Hukum-hukum hanya dibina untuk hal yang lebih dominan dan banyak, sedangkan sesuatu yang jarang dihukumkan tidak ada.

Walaubagaimanapun, menurut al-Baghawi (1997) dari kalangan mazhab al-Syafi'i dalam kitabnya *al-Tahzib* menyatakan bahawa walaupun talak

taklik dibuat dengan mengaitkannya dengan perkara yang haram adalah sah kerana perkara tersebut boleh sahaja berlaku atas beberapa faktor tertentu seperti stress atau tertekan atau juga kerana tergoda dengan habuan dunia dan lain sebagainya.

## **JENIS-JENIS TALAK TAKLIK**

Jenis-jenis talak taklik dapat dibahagikan berdasarkan syarat, masa, lafaz in sya Allah dan perkara mustahil. Penjelasan jenis-jenis talak taklik ini hanya meliputi syarat, masa dan lafaz in sya Allah sahaja manakala penjaslan untuk taklik bagi perkara mustahil telahpun dijelaskan dalam perihal yang ditaklikkan.

### **1. Talak Taklik yang Disandarkan dengan Syarat**

Talak taklik bersyarat ialah talak yang dikaitkan dengan syarat-syarat tertentu samaada perbuatan suami, perbuatan isteri, perbuatan orang lain, perbuatan makhluk hidup seperti haiwan dan tumbuhan atau benda mati yang boleh bergerak dan tak boleh bergerak seperti kereta dan batu.

- Contoh syarat talak taklik yang dikaitkan dengan perbuatan suami ialah seperti ucapan suami kepada isterinya “seandainya aku pergi merantau maka tertalakah engkau”.
- Contoh syarat talak taklik yang dikaitkan dengan perbuatan isteri ialah seperti ucapan suami kepada isterinya “seandainya engkau membenarkan adikmu masuk rumahku lagi maka tertalakah engkau”.
- Contoh syarat talak taklik yang dikaitkan dengan perbuatan orang lain seperti ucapan suami kepada isterinya “seandainya adikmu pulang kampung maka tertalakah engkau”.
- Contoh syarat talak taklik yang dikaitkan dengan makhluk hidup seperti haiwan dan tumbuhan seperti ucapan suami kepada isterinya “seandainya pokok kelapa itu tumbang maka tertalakah



engkau” atau “seandainya kambing ini beranak maka tertalakah engkau”.

- Contoh syarat talak taklik yang dikaitkan dengan pergerakan benda mati yang boleh bergerak ialah seperti ucapan suami kepada isterinya “seandainya kereta ini boleh bergerak lagi maka tertalakah engkau” manakala contoh syarat talak taklik yang dikaitkan dengan pergerakan benda mati yang tidak boleh bergerak seperti ucapan suami kepada isterinya “seandainya batu diatas puncak bukit itu jatuh maka tertalakah engkau”.

Jenis talak taklik ini boleh jatuh dengan pelbagai cara samaada unsur dalaman atau luaran. Unsur dalaman meliputi syarat tertentu yang datang daripada suami isteri manakala unsur luaran syarat tersebut diluar daripada suami isteri namun dikaitkan dengan hubungan mereka.

Para ulama berbeza pendapat mengenai hukum talak taklik yang diakitkan dengan syarat kepada tiga pandangan iaitu sah, tidak sah dan dilihat berdasarkan niat suami.

#### i. Talak taklik yang dikaitkan dengan syarat adalah sah

Para ulama daripada mazhab Hanafi (al-Sarkhasi, 1993), Maliki (al-Kasani, 1986), al-Syafi’i (al-Sharbini, 1994) dan Hanbali (Ibn Qudamah, 1968) berpandangan bahawa talak taklik yang dikaitkan dengan syarat adalah sah. Mereka berpandangan bahawa talak taklik adalah suatu perjanjian, dan setiap perjanjian hendaklah dipenuhi sesuai dengan firman Allah S.W.T dalam surah al-Maidah, ayat 1. Namun, sekiranya talak taklik itu dikaitkan dengan perbuatan isteri atau orang lain yang berakal, maka kesahihan talak itu bergantung pada niat suami. Sekiranya suami berniat untuk mencegah orang lain atau isterinya dari melakukan sesuatu perbuatan yang tidak disukainya, maka suami perlu memberitahu mereka. Sekiranya perbuatan yang dilakukan isterinya dan orang lain dilakukan sebelum pemberitahuan atau terlupa atau dipaksa maka talak tidak jatuh atau tidak sah. Walaubagaimanapun, sekiranya seorang suami memang berniat menceraikan isterinya dengan mengaitkan perbuatan isterinya dan orang

lain semata-mata untuk mencari jalan supaya jatuh talak maka talak boleh jatuh walaupun tidak dimaklumkan kepada mereka tentang perbuatan tersebut (al-Baghawi, 1997).

ii. Talak taklik yang dikaitkan dengan syarat adalah tidak sah

Mazhab al-Zahari (Ibn Hazm, t.t) berpendapat bahawa talak taklik yang dikaitkan dengan syarat adalah tidak sah kerana talak hanya boleh jatuh sekiranya dilakukan secara munjiz atau serta merta tanpa mengaitkannya dengan syarat tertentu atau sesuatu yang lain seperti mana mereka berhujah tidak sah talak dengan sesuatu perkara mustahil.

iii. Talak taklik yang dikaitkan dengan syarat adalah berdasarkan niat suami.

Ibn Taymiyyah (1987) dan Ibn Qayyim (2000) berpendapat, seandainya suami melafazkan talak taklik bersyarat ini diniatkan untuk bersumpah maka sekiranya perkara yang disyaratkan itu berlaku talak tersebut tidak jatuh namun dia perlu membayar kafarah kerana melanggar sumpah. Akan tetapi, seandainya suami melafazkan talak taklik bersyarat ini diniatkan untuk bersecerai maka sekiranya perkara yang disyaratkan itu berlaku maka talak tersebut jatuh bersesuaian dengan hadis nabi yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah yang bermaksud seseorang yang bersumpah atas sesuatu perkara kemudian dia melihat sesuatu yang lebih baik darinya maka hendaklah dia memilih yang lebih baik kemudian dia mesti menebus sumpahnya.

Berdasarkan kepada ketiga-tiga pandangan di atas, pendapat jumhur ulama adalah lebih rajih berbanding pendapat kedua dan ketiga. Pandangan jumhur lebih realistik kerana syarat yang dijadikan sebagai sandaran taklik boleh berlaku walaupun dilakukan oleh orang lain. Oleh itu, talak taklik bersyarat ini boleh jatuh seperti talak munjiz sekiranya memenuhi syarat luaran dan dalaman yang berkaitan dengan perbuatan suami isteri atau orang lain (al-Sarkhasi. (1993). Walaubagaimanapun, menggantungkan ikatan pernikahan dengan syarat-syarat yang rapuh adalah tidak wajar dilakukan.

## 2. Talak Taklik yang Disandarkan dengan Masa

Alkasani (1986) menamakan taklik talak ini dengan taklik al-mudaf yang berarti ditambah. Maksudnya, talak taklik ini dikaitkan dengan masa tertentu. Talak taklik yang dikaitkan dengan masa hukumnya berbeza bergantung kepada masa itu sendiri. Umum mengetahui bahawa masa dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu masa silam, semasa (secara langsung), dan akan datang. Dalam perbincangan ini, penulis hanya menjelaskan talak yang dikaitkan dengan masa lampau dan akan datang sahaja manakala talak *munjiz* yang dijatuhkan secara langsung telah dijelaskan sebelum ini.

### 1. Talak Taklik yang Disandarkan dengan Masa Lampau

Talak taklik yang dikaitkan dengan masa lampau bermaksud talak ini ditaklikkan dengan masa silam, iaitu masa yang berlaku sebelumnya yang mustahil berulang lagi. Sekiranya seorang suami mengucapkan kepada isterinya: “engkau telah aku talak pada minggu lepas” atau masa-masa lampau lainnya seperti bulan lepas dan tahun lepas maka para ulama berbeza pandangan kepada tiga iaitu, talak tersebut tidak jatuh, jatuh serta merta, dan bergantung kepada status isteri.

#### i. Talak tidak jatuh

Satu pandangan dalam mazhab al-Syafi’i (al-Sharbini, 1994), pandangan yang zahir daripada perkataan Imam Ahmad Ibn Hanbal (Ibn Qudamah, 968) dan ianya bersesuaian dengan pandangan Ibn Hazm al-Zohiri dalam al-Muhalla (t.t) menyatakan bahawa lafaz taklik yang dilafazkan berkaitan dengan masa lampau adalah tidak jatuh. Mereka berpendapat bahawa lafaz taklik tersebut tidak dapat digunapakai kerana telah berlalu sama ada isterinya itu adalah isteri yang sah semasa dia mengucapkan lafaz tersebut atau belum lagi menjadi isterinya. perkataan ini dianggap perkataan sia-sia yang tidak membawa apa-apa hukum.

#### ii. Talak jatuh serta-merta

Ulama Maliki (al-Sharbini, 1994), satu pandangan zahir dalam mazhab al-Syafi’i dan satu riwayat mazhab Hanbali (Ibn Qudamah, 1994) menyatakan

bahawa perbuatan melafazkan talak taklik dengan masa lampau adalah perkara sia-sia yang mustahil untuk berlaku. Walaubagaimanapun, talak taklik tersebut berlaku dan jatuh ke atas isterinya kerana suami telah melafazkannya. Ketetapan ini juga berlaku sama ada pada masa silam itu isterinya itu adalah isteri yang sah atau belum menjadi isterinya lagi.

iii. Talak jatuh seandainya isteri yang ditalak taklik merupakan isteri yang sah.

Menurut ulama Hanafi (al-Marghinani, t.t.) talak ini tidak jatuh sekiranya isteri yang ditalak taklik itu belum menjadi isterinya yang sah kerana syarat jatunya talak itu mestilah ada ikatan perkahwinan terlebih dahulu. Maka tidaklah sah menceraikan seorang wanita yang bukan isterinya.

Berdasarkan kepada hujah di atas, pandangan kedua dilihat lebih rajih berbanding pandangan pertama dan ketiga kerana suami memang berniat untuk bercerai. Walaupun isteri yang ditalak itu belum lagi menjadi isterinya yang sah akan tetapi ketika suami melafazkan talak taklik isterinya itu adalah istri yang sah.

## **2. Talak Taklik yang Disandarkan dengan Masa Depan**

Masa depan bermaksud masa yang akan berlaku dimasa hadapan ia dikira setelah seseorang tersebut melafazkannya sebagai suatu rancangan atau wawasan. Sekiranya seorang suami melafazkan talak dengan mengaitkannya dengan masa depan seperti “minggu depan adalah minggu akhir perkahwinan kita, tertalakah engkau minggu depan” atau “tertalakah engkau bulan depan”. Dalam masalah ini ulama berbeza pendapat kepada tiga pendapat iaitu talak tersebut tidak jatuh, jatuh serta merta, dan talak tersebut jatuh dengan masa yang dikaitkan.

i. Talak tidak jatuh

Masa depan adalah tidak pasti kerana ia masih bersifat ghaib dan tidak ada seorangpun yang mengetahui apa yang akan berlaku kepadanya di masa hadapan sesuai dengan firman Allah

(وما تدري نفس ماذا تكسب غدا وما تدري نفس بأي أرض تموت إن  
الله عليم خبير ) (لقمان:34)

“Dan tiada seseorang pun yang betul mengetahui apa yang akan diusahakannya esok (sama ada baik atau jahat); dan tiada seorangpun yang dapat mengetahui di bumi negeri manakah ia akan mati. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Amat Meliputi pengetahuannya”.

Oleh itu masa depan bukanlah mutlak milik seseorang. Dengan demikian, seorang suami yang melafazkan talak taklik dengan mengaitkannya dengan masa depan adalah tidak sah bahkan sia-sia (Ibn Hazm, t.t).

ii. Talak jatuh serta-merta

Ulama dalam mazhab Maliki (al-Qurtubi, 1980; al-Dardir, t.t.) berpendapat bahawa Hukum asal perkahwinan adalah sepanjang hayat dan tidak boleh terikat dengan masa. Sekiranya dikaitkan dengan masa maka perkahwinan tersebut terbatal kerana bercanggah dengan pensyaritannya yang bersifat *muabbad* (selamanya) bukan *mu'aaqqat* (sementara). Sekiranya perkahwinan ada limit masanya seperti sebulan atau setahun tergolong sebagai nikah *mut'ah* yang haram. Sepertimana perkahwinan itu tiada tempoh hadnya maka begitu juga dengan talak tidak boleh dihadkan dengan tempoh tertentu. Walaubagaimanapun sekiranya talak taklik telah dilafazkan maka talak tersebut berlaku serta merta walaupun dikaitkan dengan masa hadapan.

iii. Talak jatuh sesuai dengan masa yang dikaitkan

Jumhur ulama daripada mazhab Hanafi (al-Marghinani, t.t.), al-Syafi'i (al-Sharbini, 1994) dan Hanbali (Ibn Qudamah, 1968) berpandangan bahawa talak taklik yang dikaitkan dengan masa depan adalah jatuh sesuai masa yang dikaitkan. Mereka berhujah dengan athar sahabi, ibn 'Abbas yang mengatakan bahawa seorang lelaki telah berkata kepada isterinya: “Engkau bercerai pada hujung tahun ini”, dan dia berkata: “dia menyetubuhi

(isterinya) dalam tempoh tersebut hingga ke hujung tahun”. Semasa dalam tempoh tersebut, isterinya masih lagi dikira sebagai isteri yang sah, namun dia tertalak apabila sampai masanya dipenghujung tahun.

Perjanjian talak yang dikaitkan dengan masa depan adalah sah sepertimana sahnya perjanjian seorang tuan dengan hamba mukattab yang ingin membebaskan diri dari perhambaan dengan memenuhi syarat-syarat tertentu seperti membayar sejumlah wang yang disepakati dengan tuannya dimasa hadapan.

Berdasarkan kepada pandangan di atas, pendapat ketiga dilihat lebih rajih dan boleh dijadikan sebagai hujah dalam taklik talak berkaitan dengan masa hadapan. Talak taklik tidak mungkin berlaku serta merta kerana tidak bersesuaian dengan syarat dan keinginan suami.

### **3. Talak Taklik yang Disandarkan dengan Lafaz In Sya Allah.**

In Sya Allah membawa maksud jika Allah menghendaki atau dengan izin Allah. Perkataan ini biasanya digunakan apabila seseorang berjanji untuk melakukan sesuatu dimasa hadapan. Orang yang berjanji mengucapkan kalimah in sya Allah untuk memberi kefahaman kepada penerima janji bahawa janji tersebut akan terjadi dengan izin Allah. Ucapan ini digunakan bagi menunjukkan penyerahan diri seseorang kepada Allah kerana dia tidak mengetahui apa yang akan berlaku dimasa hadapan sesuai dengan teguran Allah kepada nabi ketika beberapa penduduk Mekah bertanyakan tiga soalan sukar yang tidak dapat dijawab iaitu perihal roh, Ashabul Kahf dan Zulkarnain. Nabi menjawab datanglah besok pagi kepadaku agar aku ceritakan kepadamu tanpa menyebut perkataan in sya Allah. Keesokan harinya mereka bertanyakan tiga soalan yang diajukan sebelumnya namun nabi tidak dapat menjawab pertanyaan tersebut sehingga berlaku cemohan dari kalangan kafir. Oleh itu turunlah ayat surah al-Kahf18:24 sebagai peringatan kepada nabi dan umatnya untuk mengucapkan in sya Allah.

*"Dan janganlah kamu mengatakan terhadap sesuatu: "Sesungguhnya aku akan mengerjakan itu besok pagi, kecuali (dengan menyebut): in sya Allah. Dan ingatlah kepada Tuhan-Mu jika kamu lupa dan katakanlah*

*"Mudah-mudahan Tuhanku akan memberiku petunjuk kepada yang lebih dekat kebenarannya daripada ini." (I-Kahfi 18:24).*

Talak taklik dengan mengaitkan in sya Allah dinamakan dengan taklik bi masiyatillah iaitu talak itu berlaku dengan izin Allah. Sekiranya seorang suami melafazkan talak taklik dengan mengaitkannya dengan lafaz in sya Allah seperti: "aku ceraikan engkau in sya Allah", maka dalam hal ini ulam berbeza pandangan kepada tiga pendapat iaitu taklik talak dengan lafaz Allah dianggap tidak sah, jatuh serta merta dan bergantung pada niat suami.

i. Taklik talak dengan lafaz in sya Allah tidak sah.

Jika seorang suami melafazkan taklik talak dengan mengaitkan talak tersebut dengan kehendak Allah, talak tersebut tidak sah. Ulama mazhab Hanafi (al-Kasani, 1986) dan Hanbali (Ibn Qudamah, 1994) berpandangan bahawa taklik talak yang dikaitkan dengan keinginan Allah adalah tidak sah, maka talak tidak jatuh kerana mengaitkannya dengan perkara yang tidak mungkin diketahui. Kerana hakikatnya manusia tidak mengetahui masa depan dan juga tidak mengetahui apa yang dikehendaki Allah.

ii. Taklik talak dengan lafaz in sya Allah jatuh serta merta.

Seorang suami yang melafazkan taklik talak dengan mengaitkan talak tersebut dengan kehendak Allah, talak tersebut sah dan jatuh serta merta. Antara ulam yang berpegang dengan pendapat ini ialah ulama daripada kalangan mazhab maliki (Ibn Qudamah, 1994) dan satu riwayat dalam mazhab Hanbali (al-Sharbini, 1994). Mereka berpegang dengan riwayat Abu Hamzah yang mendengar dari Ibn Abbas bahawasanya dia berkata: "Apabila seorang lelaki berkata kepada isterinya: Aku talak engkau in sya-Allah, maka isterinya tertalak dengan serta-merta".

iii. Taklik talak dengan lafaz in sya Allah bergantung pada niat suami.

Hukum talak taklik ini adalah bergantung kepada niat suami. Seandainya suami melafazkan perkataan in sya Allah bertujuan untuk mengagungkan Allah, atau kerana telah menjadi kebiasaanya mengucapkan perkataan ini maka talak boleh jatuh serta merta (al-Sharbini, 1994). Namun, sekiranya suami melafazkan perkataan in sya Allah dengan tujuan menjatuhkan talak mengikut kehendak Allah, maka talak tidak jatuh kerana manusia tidak mengetahui apa yang dikehendaki Allah.

Berdasarkan kepada pandangan di atas, pandangan ketiga yang meletakkan jatuh atau tidaknya talak dengan lafaz in sya Allah berdasarakan niat suami adalah lebih tepat sesuai dengan hadis nabi yang menggantungkan segala sesuatu kepada niat seseorang.

(إنما الأعمال بالنيات وإنما لكل امرئ ما نوى)

“Sesungguhnya setiap amalan berdasarkan niat dan sesungguhnya setiap orang mengikut yang dia niat”. (Sahih Muslim, No.1907).



## KESIMPULAN

Taklik talak merupakan satu kaedah perceraian yang menggantungkan perceraian tersebut dengan perbuatan atau ucapan suami isteri, orang lain, makhluk hidup, benda mati, masa, keadaan dan lafaz in sya Allah. Talak taklik juga dikaitkan dengan perkara mustahil. Para ulama berbeza pandangan terhadap hukum talak taklik kepada dua pandangan iaitu jumbuh ulama berpandangan bahawa talak taklik adalah sah manakala pandangan kedua dari mazhab al-Zahiri mengatakan tidak sah. Pandangan pertama yang mensahkan taklik talak lebih rajih berbanding pandangan kedua kerana talak adalah hak mutlak suami yang boleh menjatuhkan talak secara *munjiz* atau *mu'allaq*. Pernikahan merupakan satu ikatan suci dan perjanjian yang akan dipertanggung jawabkan di hadapan Allah. Sebaik-baik suami adalah suami yang berperilaku baik terhadap diri dan ahli keluarganya. Seorang suami yang baik tidak akan mungkin bermain-main dengan talak terutama mengaitkannya dengan sesuatu yang remeh. Walaupun talak taklik sah di sisi Islam namun ia bukan pilihan utama. Kokohnya sebuah negara adalah bergantung kekokohan institusi rumah tangga. Oleh itu, jagalah ikatan keluarga dan jauhilah talak.

## RUJUKAN

- Abu Daud. (t.t.). Sunan Abu Dawud. Beirut: Al-Maktabah al-‘Asriyyah.
- Al-‘Ayni, Mahmud Badr al-Din. (2001). ‘Umdat al-Qari li Sharh Sahih al-Bukhari. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Baghawi, al-Husain. (1997). Al-Tahzīb. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Bahuti, Mansur. (t.t.). Kashshaf al-Qina’. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- Al-Dardir, Ahmad. (t.t.). Al-Sharḥ al-Kabīr. Beirut: Dar Al-Fikr.
- Al-Fayruzabadi, Muhammad ibn Ya’qub. (2008). Al-Qāmūs al-Muḥīṭ. Al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Al-Jawziyyah, Ibn al-Qayyim. (2000). *Al-Qawa’id al-Fiqhiyyah al-Mustakhrijah min Kitab l’lam al-Muwaqī’in*. Kaherah: Dar Ibn ‘Affan.
- Al-Karmi, Hasan Sa’id. (1991). Al-Hadi Ila Lughat al-‘Arab: Qamus ‘Arabi-‘Arabi. Beirut: Dar Lubnan.
- Al-Kasani, ‘Ala’ al-Din. (1986). Badā’i’ al-Ṣanā’i’. Beirut: Dar Al-Kutub Al-‘Ilmiyyah.
- Al-Khin, Mustafa Sai’d, al-Bugha, Mustafa, al-Syarbaji, ‘Ali. (1992). Al-Fiqh al-Manhajī. Damshiq: Dar al-Qalam.
- Al-Marghinani, Ali. (t.t.). Al-Hidāyah. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- Al-Nawawi, Muhyi al-Din. (1972). Al-Majmu’. Beirut: Dar al-Fikr.
- \_\_\_\_\_. (1972). Al-Minhāj Syarh al-Sahīh Muslim. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- Al-Qurtubi, Yusuf. (1980). Al-Kafi. Saudi Arabia: Maktabah al-Riyad al-Hadithah.
- Al-Sadlan, Salih Ghanim. (1996). Al-Qawa’id Al-Fiqhiyyah Al-Kubra Wa Ma Tafarra’ Minha. Al-Riyad: Dar Balansiyah. Beirut: Dar al-Qalam.

Al-Sarkhasi, Muhammad ibn Ahmad. (1993). *Al-Mabsut*. Beirut: Dar al-Makrifah.

Al-Sharbini, Muhammad. (1994). *Mughni al-Muhhtaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah

Al-Shayrazi, Ibrahim. (t.t.). *Al-Muhadhdhab*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Al-Tirmizi, Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa. (1992). *Sunan Al-Tirmizi dalam Mawsu'ah Al-Sunnah Al-Kutubu Al-Sittah Wa Shuruhiha*. Istanbul: Dar Al-Da'wah.

Al-Zaqili, 'Ali Mahmud al-Zaqili. (2009). *al-Talaq al-Mu'allaq; Mafhumuhu wa Atharuhu fi al-Fiqh al-Islami*. Urdun: Al-Majallah al-Urdumiyah fi al-Dirasat al-Islamiyyah 5(1).

Al-Zarqa', Ahmad ibn Muhammad. (1989). *Syarḥ Al-Qawā'id Al-Fiqhiyyah*.

Ibn Abu Bakr, Muhammad. (1986). *Mukhtār Al-Şiḥaḥ*. Beirut: Maktabah Lubnan.

Ibn Hazm. (t.t.). *Al-Muhalla bi al-Athar*. Beirut: Dar al-Fikr.

Ibnu Majah. (t.t.). *Sunan Ibn Majah*. Dar ihya' al-Kutub al-Arabiyyah.

Ibn Qudamah. (1994). *Al-Kafi*. Beirut: Dar Al-Kutub al-Ilmiyyah.

\_\_\_\_\_. (1968). *Al-Mughni*. Qahirah: Maktab al-Qahirah.

Ibn Rushd. (2004). *Bidayah al-Mujtahid*. Qahirah: Dar al-Hadith.

Ibn Taymiyyah. (1987). *Al-Fatawa al-Kubra*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

'Imrani, Muhammad al-Kidi. (2001). *Fiqh al-Usrat al-Muslimah fi al-Muhajir Hulanda Namudhajan*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.

Mahmud, Sajidah Taha. (2014). *Al-Talaq al-Mu'allaq; Mahiyyattuhu wa Takyifuhu al-Fiqh wa al-Qanuni*. Majallah Kulliyah al-Tarbiyyah li al-Banat.

Miszairi Sitiris, Mustafa Mat Jubri @ Shamsuddin, Mohamad Sabri Zakaria, Mohd Na'im Mokhtar. (2021). *Talak Taklik Menurut Fiqah: Analisis Pelaksanaannya dalam Undang-Undang Keluarga*

Islam serta Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.  
*Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 33(1), 97-130.

Muslim, Abul Husain Muslim bin al-Hajjaj. (t.t.). *Sahih Muslim*.  
Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

Wizarah Al-Awqaf. (1988). *Al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*. Al-  
Kuwait: Wizarah al-Awqaf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah.